

# BSKN aktif anjur perlawanan persahabatan untuk eratkan hubungan

MARANG - Ahli Briget Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) Terengganu aktif mengadakan perlawanan persahabatan dalam misi mengerakkan hubungan dan memperkenalkan BSKN kepada pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S).

Aktiviti riadah berkenaan juga penting dalam membentuk hubungan harmoni dalam kalangan ahli BSKN dengan belia yang juga aktif dalam aktiviti riadah termasuk dalam sukan bola sepak, futsal dan bola tampar serta bola jaring.

Usaha itu juga sekali gus menafikan tanggapan ahli BSKN yang dahulunya adalah bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) kurang mesra dengan be-



Peserta bergambar beramai-ramai selepas perlawanan berakhir.



Sebanyak empat pasukan menyertai perlawanan bola tampar persahabatan anjuran BSKN dengan kerjasama Permata Terengganu di sini.

lia sebaliknya mereka jelas mempertingkat semangat perpaduan.

Usaha juga jelas menyokong gaya hidup sihat dan cergas seperti disarankan pihak kerajaan.

Terbaru, ahli briget berkenaan mengadakan perlawanan bola tampar persahabatan dengan mendapat kerjasama Permata Negeri Terengganu di gelanggang Kompleks Sukan Pengkalan Unit 6 FRU, Wakaf Tapai di sini, baru-baru ini.

Sebanyak 80 pemain terdiri daripada empat pasukan iaitu pasukan Permata Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Permata Universiti Kolej Bestari (UCB), Jurulatih PLKN dan BSKN Terengganu menyertai perlawanan itu.

Sementara itu, keputusan perlawanan memihak kepada Permata UniSZA selepas pasukan itu berjaya menewaskan pasukan Permata UCB manakala Jurulatih PLKN berada di tempat ketika selepas menewaskan BSKN Terengganu.

Selain bertujuan merapatkan hubungan dalam kalangan belia yang terlibat dan memperkenalkan BSKN kepada pelajar (IPTA/S), usaha juga bagi menjelak bekas pelatih PLKN di negeri Terengganu.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Jurulatih Kem PLKN Cenderawasih Cador, Roslan Jusoh selepas perlawanan akhir di Kompleks Sukan Pengkalan Unit 6 FRU, Wakaf Tapai.